



**KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR,
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

Unit Komunikasi Korporat
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana
Presint 4
62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 03 – 8000 8000
Faks: 03 – 8891 5557
Laman Web: www.kpkt.gov.my
Emel: pro@kpkt.gov.my
Twitter: www.twitter.com/kpkt_gov
Facebook: www.facebook.com/KPKTMalaysia

Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.45 (115)

Tarikh : 18 Mac 2016

SIARAN MEDIA

Program Food Ranger 1.0 - Transformasi Peserta AZAM Bandar KPKT

Kota Bharu, 18 Mac 2016 – Kementerian Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) komited dalam usaha membasmi kemiskinan golongan berpendapatan 40% terendah (B40) yang berdaftar dan disahkan status kemiskinan di dalam sistem eKasih menerusi program AZAM (Akhiri Zaman Miskin) Bandar.

2. Program AZAM Bandar dilaksanakan di Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan bermula tahun 2013. Program ini bermatlamat untuk meningkatkan kemahiran kumpulan sasaran iaitu supaya mampu mengusahakan perniagaan yang boleh memberikan pendapatan yang lebih tinggi seterusnya meningkatkan kualiti hidup dan keluar dari kemiskinan.

3. KPKT dengan kerjasama Pertubuhan Kebajikan Mahabbah Malaysia (MAHABBAH) menganjurkan Program Food Ranger 1.0 - Transformasi Peserta AZAM Bandar KPKT siri pertama bermula pada 18 Mac – 20 Mac 2016. Program selama 3 hari ini bermula di Kelantan dan berakhir di Kuala Terengganu, Terengganu.

4. Program ini dilaksanakan adalah bertujuan untuk memberi galakan dan sokongan kepada peserta-peserta Program AZAM Bandar untuk terus berusaha meningkatkan pendapatan. Sebanyak 16 orang peserta yang telah mengikuti kursus makanan & minuman di bawah MAHABBAH dan telah berjaya menjana pendapatan yang memberangsangkan akan dilawati. Purata pendapatan yang diperolehi oleh peserta-peserta ini adalah di antara RM2,000-RM5,000 sebulan. Malah terdapat juga dikalangan peserta menjana RM10,000 sebulan.

5. KPKT telah kerjasama dengan 13 Badan Bukan Kerajaan. NGO yang terpilih akan melaksanakan program mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh Kementerian. Di bawah program AZAM Bandar, NGO yang terpilih dikehendaki melaksanakan proses pencarian peserta, latihan kemahiran dan keusahawanan, pembekalan peralatan dan pemantauan.

Pelaksanaan Program AZAM Bandar di Kelantan

6. Sehingga tahun 2015, seramai 6,994 orang telah menyertai program ini dan 2,174 orang merupakan peserta di Kelantan. Pecahan mengikut tahun adalah seperti berikut:

7. Pada tahun 2015, daripada 508 orang peserta Kelantan yang menyertai program AZAM Bandar, 490 orang peserta telah berjaya meningkatkan pendapatan sekurang-kurang RM300 sebulan.

Perasmian Kedai Mee Celup Pak Awi

8. Maklumat Pengusaha Kedai Mee Celup Pak Awi

Nama : Sahannuwi Bin Isa
Umur : 39 tahun
Alamat : Lot 344, Belakang Perumahan Sri Neting, 16200 Tumpat.
Jenis Kursus : Usahawan makan & minuman (*ice blended*)

Bantuan yang diterima ketika program

- i. Kios *ice blended* daripada KPKT
- ii. Peralatan *ice blended* daripada KPKT
- iii. Bantuan ubahsuai kedai daripada MAHABBAH
- iv. *Business Coaching Programme* daripada MAHABBAH

Pendapatan sebelum menyertai program (2015) : RM700.00
Pendapatan selepas 6 bulan menyertai program : RM3,000.00
Pendapatan terkini : RM10,000.00

Kejayaan:

- i. Transformasi kios kepada kedai makan di hadapan rumah;
- ii. Memperkembangkan dan mempelbagaikan jenis jualan;
- iii. Menerima anugerah peserta terbaik MAHABBAH bagi Program AZAM Bandar 2015; dan
- iv. Menerima anugerah Tokoh Maal Hijrah MAHABBAH 2015

Luahan dan harapan:

Selepas menyertai program AZAM Bandar pada tahun 2015 saya seperti diberi semangat yang sangat berbeza dan teruja untuk memulakan perniagaan. Saya tidak sangka selepas menyertai program ini, keadaan saya dan keluarga berubah seperti hari ini. Sehingga kini saya masih menerima bimbingan dari tenaga pengajar NGO. Kini saya tidak lagi bekerja dengan orang lain. Saya sangat bersyukur dan berterima kasih kepada KPKT dan MAHABBAH kerana menunjukkan saya jalan perniagaan.

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh YB Datuk Abdul Rahman Dahlan. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semananjung Malaysia; Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia; Jabatan Perumahan Negara; Jabatan Kerajaan Tempatan; Jabatan Landskap Negara; Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara; Solid Waste Corporation Malaysia; Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata; dan Institut Latihan Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555

Faks : 03-8891 5557

E-mel : pro@kpkt.gov.my